



# PELAN STRATEGIK

# 2021-2025

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN



# KANDUNGAN

<b>Prakata</b>	<b>2</b>
<b>Ringkasan Eksekutif</b>	<b>3</b>
<b>Latar Belakang PSUKNS</b>	<b>4</b>
<b>Peranan &amp; Punca Kuasa</b>	<b>5</b>
<b>Struktur Organisasi</b>	<b>6</b>
<b>Pihak Berkepentingan</b>	<b>7</b>
<b>Analisis Perubahan Persekitaran</b>	<b>8</b>
<b>Visi, Misi Dan Nilai Bersama</b>	<b>9</b>
<b>Strategi Dan Formulasi Tindakan</b>	<b>10</b>
<b>Elemen Penentu Kejayaan</b>	<b>36</b>
<b>Mekanisme Pelaksanaan</b>	<b>37</b>



# PRAKATA



Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadirat Allah kerana dengan izinNya Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021-2025 dapat disiapkan dengan jayanya. Terima kasih diucapkan kepada semua bahagian dan unit yang telah sama-sama menyumbang idea dan tenaga bagi menerbitkan pelan strategik ini. Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan juga kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang telah memberikan pandangan dan bantuan dalam penerbitan pelan strategik ini.

Pelan Strategik PSUKNS 2021-2025 ini merupakan dokumen rujukan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dalam menentukan hala tuju dan gerak kerja bagi tempoh lima tahun akan datang. Pelan strategik ini dihasilkan dengan teliti supaya sejajar dengan dasar-dasar Kerajaan Negeri. Diharapkan dengan pelaksanaan pelan strategik ini visi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan iaitu Peneraju Perkhidmatan Awam ke Arah Negeri Sembilan Unggul dan Sejahtera dapat dicapai.

Oleh itu, saya menyeru semua warga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan untuk bersama-sama menghayati setiap inti pati yang terkandung dalam pelan strategik ini. Semoga dengan komitmen semua Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan akan lebih cemerlang pada tahun akan datang.

Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Razali bin Ab Malik  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan



# RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan 2021-2025 (PS PSUKNS) merupakan dokumen yang menjadi panduan kepada pelaksanaan gerak kerja bagi mencapai aspirasi Negeri Sembilan Moden 2045. Setiap teras dan strategi telah dirancang untuk mencapai keberhasilan yang membanggakan.

**Visi** Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (PSUKNS) iaitu **Peneraju Perkhidmatan Awam ke arah Negeri Sembilan Unggul dan Sejahtera** merujuk kepada peranan PSUKNS sebagai agensi pusat bagi pembangunan dan pentadbiran serta penyampaian perkhidmatan awam di Negeri Sembilan dalam menjadi penggerak utama ke arah penawaran perkhidmatan yang terbaik dan memberi impak kepada kesejahteraan rakyat.

Bagi mencapai visi ini, perancangan jangka masa panjang dikupas dalam konteks pentadbiran pengurusan serta pembangunan ekonomi dalam tempoh lima tahun pelaksanaan, manakala, misi **memperkasakan pengurusan perkhidmatan dan pembangunan mampan melalui tadbir urus yang telus, efisien dan inovatif demi kesejahteraan rakyat** menyokong visi yang perlu dicapai.

Sehubungan dengan itu, lima (5) teras strategik meliputi elemen tadbir urus, penyampaian perkhidmatan dan pembangunan ekonomi dan sosial telah dijadikan sebagai hala tuju dan tumpuan dalam PSUKNS iaitu:

1

Memperkasakan tadbir urus dan pengurusan sumber manusia ke arah kecemerlangan organisasi



2

Mendigitalkan penyampaian perkhidmatan yang cepat dan responsif kepada rakyat;



3

Memacu pertumbuhan ekonomi yang optimum dan seimbang bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat;



4

Memperkuhkan keupayaan modal insan dan pembangunan sosial; dan



5

Memperkasakan pengurusan sumber asli dan memantapkan penyediaan infrastruktur secara holistik;





# LATAR BELAKANG PSUKNS

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (PSUKNS) ditubuhkan pada tahun 1948 di bawah pimpinan Setiausaha Kerajaan Negeri yang pertama iaitu Encik Othman bin Mohamed. Beliau melaksanakan tanggungjawab ini bermula 1 Februari 1948 hingga 27 Jun 1949. Pada waktu itu, bangunan PSUKNS terletak berhampiran Taman Bunga Bandar Seremban dan berhadapan Istana Hinggap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Pada 16 April 1987 keseluruhan PSUKNS telah berpindah ke bangunan baharu yang berhampiran. Pejabat baharu ini telah dirasmikan oleh Paduka Seri Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 26 September 1987 dengan dikenali sebagai Wisma Negeri sehingga hari ini.

Pentadbiran PSUKNS terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu Bahagian Pembangunan dan Bahagian Pengurusan. Bahagian Pembangunan terdiri daripada lima (5) unit dan Bahagian iaitu Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Badan Kawal Selia Air (BKSA), Bahagian Perumahan (BP), Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) dan Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan (LPNS).

Bahagian Pengurusan pula terdiri daripada 11 bahagian dan unit iaitu Pejabat Menteri Besar (PMB), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Unit Integriti (UI), Unit

Pengurusan Teknologi Maklumat (UPTM), Bahagian Dewan Undangan Negeri (BDUN), Majlis Sukan Negeri (MSN), Unit Korporat, Inovasi dan Kualiti (UKIK), Unit Pengurusan Majlis Rasmi dan Protokol (UPMP), Unit Audit Dalam (UAD) dan Unit Pengaduan Awam Negeri Sembilan (UPANS).

Hal ehwal pentadbiran dan pengurusan berkaitan perkhidmatan awam diuruskan dan diselaraskan oleh PSUKNS selain berperanan sebagai pakar runding dalam hal berkaitan pembangunan ekonomi dan merupakan perancang utama pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi sektor awam di Negeri Sembilan. Selain itu, PSUKNS turut menjadi penyelarasan dan penghubung kepada agensi lain yang terdiri daripada Jabatan Negeri dan Persekutuan, Badan Berkanun serta Pihak Berkuasa Tempatan.



# PERANAN & PUNCA KUASA

## Peranan

Sebagai agensi pusat bagi urusan pembangunan dan pentadbiran, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan melaksanakan lima peranan utama seperti berikut:


- 1 Peneraju pentadbiran dan pengurusan bagi perkhidmatan awam di Negeri Sembilan;
- 2 Pakar runding pengurusan pembangunan ekonomi di Negeri Sembilan;
- 3 Perancang bagi pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sektor awam di Negeri Sembilan;
- 4 Penyelaras dan pakar rujuk bagi pelbagai bidang pengurusan negeri; dan
- 5 Penghubung kepada agensi lain di Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

## Punca Kuasa Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

<b>Undang-undang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>» Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959</li> <li>» Perlembagaan Persekutuan</li> </ul>
<b>Akta</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>» Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959</li> <li>» Perlembagaan Persekutuan</li> <li>» Akta Pencen 1980 dan Akta Pencen (Pindaan) 2002</li> <li>» Akta Penyelarasan Pencen 1980 (Akta 238)</li> <li>» Akta Air 1920 (Pindaan 2007)</li> <li>» Peraturan-Peraturan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan 1996</li> <li>» Perintah-Perintah Am (Bab A, B, C, E, F dan G)</li> <li>» Perwakilan Kuasa Melantik, Mengesah Dalam Perkhidmatan Dan Memasukkan Ke Dalam Perjawatan Berpencen Jawatan- Jawatan Di Bawah Bidang Kuasa Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan [ P.U. (B) 74 ]</li> <li>» Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Negeri Sembilan) 2006</li> </ul>
<b>Enakmen</b>	Enakmen Air Negeri Sembilan
<b>Arahan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>» Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus</li> <li>» Arahan Perbendaharaan</li> <li>» Pekeliling, surat pekeliling dan surat edaran yang dikeluarkan oleh agensi pusat seperti JPA, MAMPU dan Perbendaharaan Malaysia.</li> </ul>



# STRUKTUR ORGANISASI





# PIHAK BERKEPENTINGAN







# ANALISIS PERUBAHAN PERSEKITARAN





# VISI, MISI



## VISI

Peneraju perkhidmatan awam  
ke arah Negeri Sembilan unggul  
dan sejahtera



## MISI

Memperkasakan pengurusan  
perkhidmatan dan  
pembangunan mampan melalui  
tadbir urus yang telus, efisien  
dan inovatif demi kesejahteraan  
rakyat

# NILAI BERSAMA

**P**

PROFESIONAL

**S**

SEMANGAT

**U**

UNGGUL

**K**

KEBERSAMAAN

**N**

NILAI MURNI

**S**

STRATEGIK



# STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

1

Memperkasakan tadbir urus dan pengurusan sumber manusia ke arah kecemerlangan organisasi.

2

Mendigitalkan penyampaian perkhidmatan yang cepat dan responsif kepada rakyat.

3

Memacu pertumbuhan ekonomi yang optimum dan seimbang bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat.

4

Memperkuhkan keupayaan modal insan dan pembangunan sosial.

5

Memperkasakan pengurusan sumber asli dan memantapkan penyediaan infrastruktur secara holistik.

**TERAS  
STRATEGIK**



# TERAS STRATEGIK 1:

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI

**STRATEGI**

**2**

**PROGRAM**

**11**

**1**

Memperkukuh struktur organisasi dan kecekapan tadbir  
urus



**2**

Memupuk budaya kerja berkualiti, berintegriti dan inovatif





# PELAN TINDAKAN

## TERAS STRATEGIK 1

TERAS STRATEGIK 1	MEMPERKASAKAN TADBIR URUS DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI				
STRATEGI 1	MEMPERKUKUH STRUKTUR ORGANISASI DAN KECEKAPAN TADBIR URUS				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Pengukuhan Struktur Organisasi	Peratusan pelaksanaan penstrukturan organisasi	90% berdasarkan permohonan (penstrukturan semula dilaksanakan di jabatan berdasarkan keperluan dan perubahan semasa)	2021-2025	BPSM
		Bilangan kajian dan semakan semula struktur organisasi	1 kajian setiap tahun	2021-2025	BPSM
2.	Perancangan pengurusan sumber manusia yang berfokus dan bersasar	Bilangan urusan pengisian jawatan, pusingan kerja dan penajaran semula	1 kali setahun	2021-2025	BPSM
3.	Pembangunan kompetensi pendigitalan sumber manusia	Bilangan latihan kemahiran pendigitalan	10 program	2021-2025	BPSM
4.	Pendayaupayaan pakar rujuk (menambah bilangan pakar rujuk di PSUKNS menjelang 2025)	Bilangan pakar rujuk di pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan	3 pakar rujuk setiap tahun	2021-2025	BPSM



TERAS STRATEGIK 1	MEMPERKASAKAN TADBIR URUS DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI				
STRATEGI 1	MEMPERKUKUH STRUKTUR ORGANISASI DAN KECEKAPAN TADBIR URUS				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
5.	Kesejahteraan psikologi penjawat awam Negeri Sembilan	Peratus tahap kesejahteraan psikologi penjawat awam Negeri Sembilan	80%	2021-2025	BPSM
		Bilangan program berkaitan	5 program setiap tahun	2021-2025	BPSM
6.	Kecekapan pengurusan kewangan	Penurunan peratus teguran	Peratus teguran audit berulang menurun setiap tahun	2021-2025	UAD
		Bilangan latihan pematuhan prosedur kewangan	1 setiap tahun	2021-2025	BKP/UPEN/UAD



TERAS STRATEGIK 1	MEMPERKASAKAN TADBIR URUS DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI				
STRATEGI 2	MEMUPOK BUDAYA KERJA BERKUALITI, BERINTEGRITI DAN INOVATIF				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Perlaksanaan Pelan Anti Rasuah Negeri Sembilan (ANTS)	Peratus pelaksanaan tindakan inisiatif Pelan Anti Rasuah Negeri Sembilan menjelang 2024	100% pelaksanaan	2021-2025	UI
2.	Program kesedaran integriti dalam kalangan penjawat awam	Bilangan program yang dilaksanakan	1 program setahun	2021-2025	UI
		Peratus penyertaan peserta dalam program yang dianjurkan	80% penyertaan peserta	2021-2025	UI
3.	Pembangunan dan pengaplikasian pelan inovasi PSUKNS	Bilangan Pelan Inovasi	1 pelan	2021-2025	UKIK
		Peningkatan peratus jumlah penyertaan inovasi	100% penyertaan inovasi jabatan di negeri sembilan	2021-2025	UKIK



TERAS STRATEGIK 1	MEMPERKASAKAN TADBIR URUS DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI				
STRATEGI 2	MEMUPOK BUDAYA KERJA BERKUALITI, BERINTEGRITI DAN INOVATIF				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
4.	Pemantapan proses dan kaedah penyelesaian aduan awam	Peratus pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang ditawarkan	90% pelanggan berpuas hati	2021-2025	UPANS
		Bilangan aduan pelanggan diselesaikan mengikut tempoh	90% aduan diselesaikan dalam tempoh seperti dalam piagam pelanggan jabatan	2021-2025	UPANS
5.	Semakan proses dan kaedah penyelesaian aduan	Bilangan semakan proses dan kaedah penyelesaian aduan	1 kali setahun	2021-2025	UPANS





# TERAS STRATEGIK 2:

MENDIGITALKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG CEPAT DAN RESPONSIF KEPADA RAKYAT

**STRATEGI**

**4**

**PROGRAM**

**9**

**1**

Memantapkan perkhidmatan penyampaian digital secara *end-to-end (E2E)* sebagai kaedah penyampaian utama



**2**

Menguatkan keupayaan infrastruktur rangkaian, komunikasi digital dan infrastruktur ICT secara terancang



**3**

Memperkasakan pengurusan data ke arah inisiatif data raya negeri



**4**

Mengoptimumkan jerayawara dan pengurusan perubahan dalam penyampaian perkhidmatan digital





# PELAN TINDAKAN

## TERAS STRATEGIK 2

TERAS STRATEGIK 2	MENDIGITALKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG CEKAP DAN RESPONSIF KEPADA RAKYAT				
STRATEGI 1	MEMANTAPKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL SECARA END-TO-END (E2E) SEBAGAI KAEDAH PENYAMPAIAN UTAMA				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Perekayasaan aplikasi sedia ada	Bilangan aplikasi	2 aplikasi setiap tahun	2021-2025	UPTM
2.	Pembangunan aplikasi baharu	Bilangan aplikasi	2 aplikasi setiap tahun	2021-2025	UPTM
STRATEGI 2	MENGUKUHKAN KEUPAYAAN INFRASTRUKTUR RANGKAIAN, KOMUNIKASI DIGITAL DAN INFRASTRUKTUR ICT SECARA TERANCANG				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Naik taraf infrastruktur rangkaian dan pengurusan jaminan prestasi perkhidmatan rangkaian	Peratus jaminan ketersediaan perkhidmatan rangkaian	99.70%	2021-2025	UPTM
2.	Pemantapan pengautomasian ICT di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan	Peratusan norma pengagihan: i. Pengurusan dan profesional ii. Sokongan iii. Sokongan 2	100%  100% 50%	2021-2025	UPTM



TERAS STRATEGIK 2		MENDIGITALKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG CEKAP DAN RESPONSIF KEPADA RAKYAT			
STRATEGI 2		MENGUKUHKAN KEUPAYAAN INFRASTRUKTUR RANGKAIAN, KOMUNIKASI DIGITAL DAN INFRASTRUKTUR ICT SECARA TERANCANG			
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
3.	Pemantapan komunikasi digital  i. Voice Over IP (VoIP) ii. MyGovUC iii. Telesidang (video conferencing)	Peratusan jaminan ketersediaan perkhidmatan VoIP	100%	2021-2025	UPTM
		Pelaksanaan perkhidmatan MyGovUC	100%	2022	UPTM
		Bilangan perolehan peralatan (video conferencing)	Satu perolehan	2021	UPTM
TERAS STRATEGIK		MENDIGITALKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG CEKAP DAN RESPONSIF KEPADA RAKYAT			
STRATEGI 3		MEMPERKASAKAN PENGURUSAN DATA KE ARAH INISIATIF DATA RAYA NEGERI			
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Penyelarasan dan penguatkuasaan inisiatif data terbuka negeri	Peratusan terbitan set data terbuka negeri yang dikemas kini setiap tahun	100%	2021-2025	UPTM
2.	Pembangunan inisiatif analisis data raya negeri	Bilangan produk data	1	2023-2025	UPEN



STRATEGI 4					
MENGOPTIMUMKAN JERAYAWARA DAN PENGURUSAN PERUBAHAN DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL					
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Pemeriksaan program kesedaran dan pembudayaan digital	Bilangan program kesedaran dan pembudayaan digital	1 program digital setiap tahun	2022-2025	UPTM
2.	Pengalakan promosi inisiatif dan inovasi digital	Bilangan hebahan perkhidmatan digital PSUKNS	6 hebahan setiap tahun	2021-2025	UPTM



# TERAS STRATEGIK 3:

MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI YANG OPTIMUM DAN SEIMBANG BAGI MENINGKATKAN KUALITI HIDUP RAKYAT

**STRATEGI**

**4**

**PROGRAM**

**12**

**1**

Meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada 3.6%



**2**

Menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan memperkasakan sumber tempatan



**3**

Menggalakkan kemasukan pelaburan bagi memperkukuh manfaat kepada pelabur dan kerajaan negeri



**4**

Memperkasakan pertumbuhan ekonomi menggunakan teknologi digital





# PELAN TINDAKAN

## TERAS STRATEGIK 3

TERAS STRATEGIK 3	MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI YANG OPTIMUM DAN SEIMBANG BAGI MENINGKATKAN KUALITI HIDUP RAKYAT				
STRATEGI 1	MENINGKATKAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) KEPADA 3.60%				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Penghasilan Dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) Negeri Sembilan	Bilangan dokumen	Satu Dokumen RMKe-12 Negeri Sembilan	2021-2022	UPEN
2.	Penghasilan Dokumen Jadual Input-Output (IO) Dan Akaun Satelit Negeri Sembilan	Bilangan dokumen	Satu Dokumen Jadual IO Dan Akaun Satelit Negeri Sembilan	2021-2022	UPEN
3.	Pertumbuhan KDNK Negeri	Peratus kadar pertumbuhan purata tahunan KDNK	3.60%	2021-2022	UPEN
STRATEGI 2	MENGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG OPTIMUM DAN SEIMBANG BAGI MENINGKATKAN KUALITI HIDUP RAKYAT				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Memperkasa Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) yang berinovasi dan berdaya saing	Bilangan usahawan	200 Usahawan	2021-2025	UPEN



TERAS STRATEGIK 3	MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI YANG OPTIMUM DAN SEIMBANG BAGI MENINGKATKAN KUALITI HIDUP RAKYAT				
STRATEGI 2	MENGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG OPTIMUM DAN SEIMBANG BAGI MENINGKATKAN KUALITI HIDUP RAKYAT				
Bil	Pelan Tindakan (Program/Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
2.	Dana Usahawan Mikro i. Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) ii. Tabung Usahawan Negeri Sembilan + (TUNS+)	Bilangan penerima	TUNS: 5000 pemohon yang layak  TUNS+: 1000 Pemohon Yang Layak	2021-2025	UPEN
3.	Jaminan keselamatan makanan: Membantu para usahawan tani bagi mempertingkatkan pengeluaran	Bilangan usahawan tani	805 orang/ perniagaan	2021-2025	UPEN
4.	Mempergiat kitaran ekonomi sektor pelancongan	Peningkatan peratus kehadiran pelancong	3% setahun	2021-2025	LPNS
		Bilangan pakej	25 pakej	2021-2025	LPNS
		Bilangan acara	50 acara	2021-2025	LPNS



TERAS STRATEGIK 3	MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI YANG OPTIMUM DAN SEIMBANG BAGI MENINGKATKAN KUALITI HIDUP RAKYAT				
STRATEGI 3	MENGALAKKAN KEMASUKAN PELABURAN BAGI MEMPERKUKUH MANFAAT KEPADA PELABUR DAN KERAJAAN NEGERI				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Galakkan pelaburan dalam meningkatkan ekonomi Negeri Sembilan	Jumlah pelaburan yang direkodkan MIDA	RM 7 bilion purata tahunan	2021-2025	UPEN
2.	Pelaburan dalam sektor perkilangan	Peratus komposisi pelaburan swasta	50 % daripada keseluruhan pelaburan	2021-2025	UPEN
4.	Pelaksanaan pembangunan projek Heartbeat MVV 2.0: i. Pembangunan kawasan perindustrian Hamilton, Parcel A	Tahap kemajuan projek	Pengeluaran Sijil CCC bagi plot 1 dan 2	2023	UPEN
	ii. Pembangunan kawasan perindustrian di New Labu, Parcel A	Tahap kemajuan projek	Pecah tanah/ <i>Kickoff</i>	2024	UPEN





TERAS STRATEGIK 3	MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI YANG OPTIMUM DAN SEIMBANG BAGI MENINGKATKAN KUALITI HIDUP RAKYAT				
STRATEGI 4	MEMPERKASAKAN PERTUMBUHAN EKONOMI MENGGUNAKAN TEKNOLOGI DIGITAL				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Pengurusan Data Dan Maklumat Pembangunan Ekonomi				
	i. Sistem pangkalan data usahawan Negeri Sembilan	Sistem pangkalan data usahawan	1 sistem	2021-2023	UPEN
	ii. Pangkalan data pelancongan Negeri Sembilan	Pangkalan data pelancongan	1 pangkalan data	2021-2023	UPNS
	iii. Sistem NS Promise	Sistem NS Promise	1 sistem	2021-2022	UPEN
	iv. Sistem pangkalan data sosio ekonomi negeri	Sistem data sosio ekonomi	1 sistem	2021-2025	UPEN
2.	Pelan Ekonomi Digital Negeri Sembilan 2021-2025	Dokumen pelan	1 dokumen pelan	2021-2022	UPEN



# TERAS STRATEGIK 4:

## MEMPERKUKUH KEUPAYAAN MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

**STRATEGI****3****PROGRAM****12****1**

Memperkasakan pembangunan belia dan institusi akar umbi

**2**

Memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan perbandaran oleh Pihak Berkuasa Tempatan

**3**

Menambah baik taraf hidup rakyat yang berada di bawah garis kemiskinan





# PELAN TINDAKAN

## TERAS STRATEGIK 4

TERAS STRATEGIK 4	MEMPERKUKUH KEUPAYAAN MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL				
STRATEGI 1	MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN BELIA DAN INSTITUTI AKAR UMBI NEGERI				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Program pembangunan sukan jangka panjang	Bilangan atlet yang layak ke program tinggi dan mewakili negara	250 Atlet	2021-2022	MSN
		Temasya Sukan Malaysia (SUKMA)	15 Orang Atlet	2022/2023/2025	
		Sukan SEA		3 Orang Atlet	
		Sukan Komanwel	2 Orang Atlet	2022	
		Sukan Asia	1 Orang Atlet	2024	
		Sukan Olimpik			
2.	Program Memperkasakan Tadbir Urus Persatuan Sukan Negeri i. Kursus Sains Sukan ii. Kursus Sukan Spesifik iii. Kursus Teknikal/Pengadil iv. Kursus Kejurulatihan v. Kursus Tadbir Urus PSN	Bilangan Kursus	8 Kursus Setahun	2021-2025	MSN



TERAS STRATEGIK 4	MEMPERKUKUH KEUPAYAAN MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL				
STRATEGI 1	MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN BELIA DAN INSTITUTI AKAR UMBI NEGERI				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
3.	Memperkasakan instituti akar umbi (MPKK)	Bilangan kursus MPKK setiap daerah	8 daerah dengan penglibatan 433 MPKK	2021-2025	BDUN
4.	Pemantapan pengurusan MPKK melalui pengemaskinian Garis Panduan Pengurusan Dan Pembayaran Elaun MPKK	Tempoh semakan dan pengemaskinian garis panduan yang berkuat kuasa	Garis panduan disemak setiap dua tahun	2021-2023-2025	BDUN
5.	Program Kemahiran Belia Dan Kecemerlangan Pelajar:				
	i. <i>Fast Track</i> Pelajar Tahfiz SPM	Bilangan pelajar	50 setahun	2021-2025	UPEN
	ii. <i>Task Force</i> TVET	Bilangan pelajar	50 setahun	2021-2025	UPEN



TERAS STRATEGIK 4	MEMPERKUKUH KEUPAYAAN MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL				
STRATEGI 2	MEMPERKUKUH SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Penempatan semula penjaja berpusat di setiap 7 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Peratus pembinaan tapak penjaja berpusat di setiap PBT  MBS 6 tapak MPPD 3 tapak MPJL 6 tapak MDT 3 tapak MDKP 5 tapak MDR 6 tapak MDJ 3 tapak	70% tapak penjaja dibina di lokasi telah ditetapkan	2021-2023	BKT
2.	Kitar semula minyak masak terpakai	Peratusan peniaga/ penjaja	80%	2021-2025	BKT
		Bilangan program	84 Program kempen setahun dilaksanakan bersama semua peniaga/penjaja berlesen di setiap daerah	2021-2025	
3.	Penyelarasan pengisian perumahan swasta kos rendah	Peratus penerima yang layak	100% penerima mengikut syarat-syarat semasa yang berkuat kuasa	2021-2022	BP



TERAS STRATEGIK 4	MEMPERKUKUH KEUPAYAAN MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL				
STRATEGI 2	MEMPERKUKUH SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
4.	Menambah baik dasar perumahan Negeri Sembilan  i. Dasar pengurusan lot kuota bumiputera di Negeri Sembilan  ii. Dasar pengurusan Rumah Mampu Milik(RMM)Negeri Sembilan	Bilangan dokumen	Draf Dasar Perumahan Negeri Sembilan (pindaan November 2023)	2023	BP
5.	Kajian Garis Panduan Pengurusan Dan Pentadbiran Perumahan Awam di Negeri Sembilan	Bilangan dokumen	1 Dokumen Garis Panduan Pengurusan Dan Pentadbiran Perumahan Awam Negeri Sembilan	2023	BP



TERAS STRATEGIK 4	MEMPERKUKUH KEUPAYAAN MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL				
STRATEGI 3	MENAMBAHBAIK TARAF HIDUP RAKYAT YANG BERADA DI BAWAH GARIS KEMISKINAN				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	<p><b>Pembasmian kemiskinan tegar</b></p> <p>Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) [kerjasama pentadbiran kerajaan negeri bersama Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri]</p>	Program pembasmian kemiskinan yang bersesuaian berdasarkan profil Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar	<p>1 Program BMTKM (peningkatan pendapatan) bagi fakir miskin tegar yang dipilih dan berminat menyertai program</p> <p>Bilangan program bergantung kepada bilangan KIR miskin tegar yang dipilih oleh Pejabat Pembangunan Negeri melalui data eKasih yang diperakukan dan diluluskan oleh EPU JPM</p>	<p>2022: Fasa 1 (penglibatan 30 KIR)</p> <p>2023: Fasa 2 &amp; Fasa 3</p> <p>2024 &amp; 2025: Fasa pelaksanaan akan ditetapkan oleh EPU JPM dari semasa ke semasa</p>	UPEN
2.	Penyelarasan pengisian perumahan awam kos rendah	Peratus penerima yang layak	100% penerima mengikut syarat-syarat semasa yang berkuat kuasa	2021-2022	BP



# TERAS STRATEGIK 5:

## MEMPERKUKUH KEUPAYAAN MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

**STRATEGI****2****PROGRAM****8****1**

Membangunkan sumber baharu dan memantapkan pengurusan sumber sedia ada

**2**

Memperkasakan infrastruktur, ketersambungan (*connectivity*) dan kemudahan (*accessibility*) bandar dan luar bandar







# PELAN TINDAKAN

## TERAS STRATEGIK 5

TERAS STRATEGIK 5	MEMPERKASAKAN PENGURUSAN SUMBER ASLI DAN MEMANTAPKAN PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR SECARA HOLISTIK				
STRATEGI 1	MEMBANGUNKAN SUMBER BAHARU DAN MEMANTAPKAN PENGURUSAN SUMBER SEDIA ADA				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Pengurusan sumber air:				
	i. Semakan semula garis panduan pengurusan air	Bilangan garis panduan	Tiga garis panduan	2024	BKSA
	ii. Penyediaan Garis Panduan Pengurusan Kualiti Dan Parameter Air Mentah Negeri Sembilan	Bilangan garis panduan	Satu garis panduan	2025	BKSA
	iii. Mewujudkan Enakmen Air Negeri Sembilan	Bilangan enakmen	Satu enakmen	2025	BKSA
2.	Bekalan air mentah yang berkualiti dan mencukupi	Bilangan projek	2 Off River Storage	2025	BKSA
		Kuantiti tambahan sumber air mentah	280 MLD	2025	BKSA
3.	Peningkatan kecekapan pemantauan kualiti air :				
	i. Menubuhkan makmal kualiti air	Bilangan makmal	1 Makmal	2023	BKSA
	ii. Menubuhkan Command Centre	Bilangan pusat pemantauan	1 Pusat pemantauan	2024	BKSA



TERAS STRATEGIK 5	MEMPERKASAKAN PENGURUSAN SUMBER ASLI DAN MEMANTAPKAN PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR SECARA HOLISTIK				
STRATEGI 1	MEMBANGUNKAN SUMBER BAHARU DAN MEMANTAPKAN PENGURUSAN SUMBER SEDIA ADA				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
4.	<i>Carbon Trading:</i>				
	i. Kelulusan dasar dan mekanisme pelaksanaan <i>carbon trading</i> berdasarkan inisiatif <i>Reducing Emissions From Deforestation And Forest Degradation (REDD Plus)</i>	Bilangan dokumen	Satu dokumen	2022-2024	UPEN
	ii. Mengadakan kolaborasi bersama pemain industri	Bilangan kolaborasi	Satu kolaborasi	2024-2025	UPEN



TERAS STRATEGIK 5	MEMPERKASAKAN PENGURUSAN SUMBER ASLI DAN MEMANTAPKAN PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR SECARA HOLISTIK				
STRATEGI 2	MEMPERKASAKAN INFRASTRUKTUR, KETERSAMBUNGAN (CONNECTIVITY) DAN KEMUDAHSAMPAIAN (ACCESSIBILITY) BANDAR DAN LUAR BANDAR				
Bil	Pelan Tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Jaringan jalan raya di kawasan pembangunan MVV 2.0				
	i. Pembinaan jalan Nilai-Labu Ke Bandar Enstek (NLE)	Tahap kemajuan projek	Projek siap 100%	2023	UPEN
		Panjang jalan	15 km	2023	UPEN
	ii. Pembinaan baharu/naik taraf jalan	Senarai projek baharu bagi pertimbangan dana pembangunan (DE)	3 Projek jalan baharu	2021-2025	UPEN
		Bilangan kelulusan projek	1 Projek baharu	2021-2025	UPEN
2.	Jaringan jalan raya di kawasan luar bandar				
	Pembinaan jalan baharu	Bilangan projek	7 Projek	2021-2025	UPEN
		Panjang jalan	83 km	2021-2025	UPEN



TERAS STRATEGIK 5	MEMPERKASAKAN PENGURUSAN SUMBER ASLI DAN MEMANTAPKAN PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR SECARA HOLISTIK				
STRATEGI 2	MEMPERKASAKAN INFRASTRUKTUR, KETERSAMBUNGAN (CONNECTIVITY) DAN KEMUDAHSAJPAIAN (ACCESSIBILITY) BANDAR DAN LUAR BANDAR				
Bil	Pelan tindakan (Program/ Inisiatif)	Indikator	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
3.	Infrastruktur dan kualiti liputan telekomunikasi	Peratus liputan 4G di kawasan berpenduduk	100%	2025	UPEN
		Kelajuan jalur lebar mudah alih	100 mbps (purata kebangsaan)	2025	UPEN
		Bilangan premis/ kediaman dengan rangkaian gentian optik	180,000 premis / kediaman	2021-2025	UPEN
4.	Projek tebatan banjir	Bilangan projek	13 Projek	2021-2025	UPEN



# ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

KEPIMPINAN YANG  
BERWAWASAN

1

2

MODAL INSAN YANG  
PROFESIONAL

BUDAYA KERJA  
BERPRESTASI  
TINGGI

3

4

KOLABORASI  
STRATEGIK

TEKNOLOGI  
MAKLUMAT  
DAN KOMUNIKASI

5



# MEKANISME PELAKSANAAN


Pelan strategik PSUKNS ini merupakan pelan jangka masa panjang untuk tempoh lima (5) tahun. Oleh itu, pelan ini perlu sentiasa dipantau dan dikaji keperluannya supaya sentiasa relevan dengan senario dan cabaran yang dihadapi pada ketika itu. Pemantauan dilaksanakan menggunakan kaedah pelaporan prestasi pelaksanaan program oleh setiap Bahagian dan Unit pada setiap bulan kepada urus setia Pelan Strategik. Prestasi keseluruhan pencapaian akan dinilai pada setiap bulan Disember sepanjang tempoh pelan strategik. Mesyuarat kajian semula pula akan diadakan pada setiap pertengahan tahun untuk menilai keberkesanan pelan tindakan yang dirangka berdasarkan pencapaian yang diperolehi.


PERKARA	TAHUN				
	2021	2022	2023	2024	2025
Mesyuarat Kajian Semula Pelan Strategik	Julai	Julai	Julai	Julai	Julai
Penilaian Pencapaian Tahun Pertama	Disember				
Penilaian Pencapaian Tahun Kedua		Disember			
Penilaian Pencapaian Tahun Ketiga			Disember		
Penilaian Pencapaian Tahun Keempat				Disember	
Penilaian Pencapaian Tahun Kelima					Disember
Pembangunan Pelan Strategik Baharu					Januari
Pemantauan Pelan Strategik	Setiap bulan oleh Bahagian/Unit				



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI SEMBILAN**

Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, 70503  
Seremban, Negeri Sembilan

 06-7659900

 06-7617386

 korporatsukns@ns.gov.my

 <https://www.ns.gov.my>